

U 8911 AAB
MAHATHIR-INDIA

SUBANG, 1 FEB (BERNAMA) -- MALAYSIA MEMPUNYAI PELUANG UNTUK MENGADAKAN USAHASAMA DENGAN INDIA DALAM INDUSTRI PEMBUATAN KOMPONEN KERETA, KATA PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

KEMUNGKINAN ITU DAPAT DILIHAT HASIL DARIPADA PERBINCANGAN BELIAU DENGAN PERDANA MENTERI INDIA ENCIK RAJIV GANDHI SEMASA LAWATANNYA SELAMA EMPAT HARI KE NEGARA ITU.

PERDANA MENTERI MEMBERITAHU PARA PEMBERITA SETIBANYA DI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA KUALA LUMPUR DI SINI, INDIA SELAMA INI BERKEUPAYAAN MENGELUARKAN BEBERAPA KOMPONEN KERETA YANG SEBAHAGIANNYA DIEKSPORT KE AMERIKA SYARIKAT.

OLEH ITU, KATANYA, TERDAPAT PELUANG BAGI INDUSTRI KERETA DI KEDUA-DUA NEGARA MENGADAKAN USAHASAMA DI BIDANG ITU.

MENGENAI PROTON SAGA, KATANYA, BELIAU TIDAK MEMBINCANGKAN PERKARA ITU SECARA LANGSUNG DENGAN ENCIK GANDHI, TETAPI IA DISEBUT DALAM PERBINCANGANNYA YANG BERKAITAN DENGAN INDUSTRI KERETA. -- LAGI.
2002MST 01 02 87

U 8914 AAB
MAHATHIR-INDIA 2 SUBANG

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, INDIA SENDIRI SEPERTI MALAYSIA, TELAH MENGADAKAN USAHASAMA DENGAN JEPUN DALAM INDUSTRI KERETA DAN INDIA TELAH MENETAPKAN POLISI UNTUK MENGELUARKAN KERETA SENDIRI BAGI KEGUNAAN DALAM NEGERI, KECUALI KERETA-KERETA UNTUK KEGUNAAN PARA DIPLOMAT.

MENGENAI HUBUNGAN DAGANGAN KEDUA-DUA NEGARA, KATANYA, MALAYSIA AKAN BERUSAHA MEMBELI LEBIH BANYAK DARI INDIA, TERMASUKLAH MENGADAKAN USAHASAMA BAGI MEMBAIKI IMBANGAN DAGANGAN YANG LEBIH MENGUNTUNGGAN MALAYSIA.

BELIAU BERKATA SEJAK BEBERAPA TAHUN KEBELAKANGAN INI, DAGANGAN KEDUA-DUA NEGARA SEMAKIN MENINGKAT TERUTAMA MALAYSIA, YANG BANYAK MENGEKSPORT MINYAK SAWIT KE INDIA SEBAGAI BAHAN EKSPORT UTAMANYA.

MENGENAI PERSETUJUAN MALAYSIA MEMBERI BANTUAN KEPADA TABUNG PERPADUAN AFRIKA YANG DIPENGERUSIKAN OLEH ENCIK GANDHI, PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU AKAN MEMBINCANGKAN DALAM KABINET BENTUK BANTUAN YANG AKAN DIBERI.

KATANYA, INDIA PULA, DI SAMPING MENYUMBANGKAN AS\$400,000 KEPADA TABUNG SURUHANJAYA SELATAN-SELATAN, BERSEDIA MENAWARKAN KHIDMAT SEORANG PAKAR EKONOMINYA KEPADA SURUHANJAYA ITU. -- LAGI.
2035MST 01 02 87

U 8915 AAB
MAHATHIR-INDIA 3 SUBANG

BAGAIMANAPUN, BELIAU BERKATA PEMILIHAN JAWATANKUASA SURUHANJAYA ITU BERGANTUNG KEPADA KEPUTUSAN PENGERUSINYA DR JULIUS NYERERE.

PERDANA MENTERI MENYIFATKAN LAWATANNYA KE INDIA SEBAGAI BERJAYA KERANA BELIAU JUGA BERKESEMPATAN BERJUMPA DENGAN BEBERAPA ORANG MENTERI INDIA DAN MELAWAT EKSPLO INDUSTRI INDIA YANG BERPOTENSI.

MENYENTUH HUBUNGAN PAKISTAN-INDIA, PERDANA MENTERI BERKATA, BELIAU PERCAYA HUBUNGAN ANTARA KEDUA NEGARA JIRAN ITU AKAN BERTAMBAH BAIK MEMANDANGKAN RUNDINGAN ANTARA PEMIMPIN-PEMIMPINNYA TELAH PUN DIADAKAN.

BELIAU BERKATA, MESEJ PRESIDEN PAKISTAN ZIA UL-HAQ YANG DISAMPAIKANNYA KEPADA ENCIK GANDHI ANTARA LAIN MENEGASKAN BAHAWA PAKISTAN TIDAK MEMPUNYAI NIAT JAHAT TERHADAP INDIA. -- BERNAMA.
2037MST 01 02 87